

PERAKAUNAN ZAKAT PELABURAN: KES AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

Zakat Accounting for Investments: Case of Amanah Saham Bumiputra (ASB)

Mohd. 'Adli Zahri^{1a}, Nurul Ilyana Muhd Adnan^{2b*}, Zahri Hamat^{3c} & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim^{4d}

^aFakulti Ekonomi dan Pengurusan, University College Bestari, Terengganu, MALAYSIA,

E-mel: adli@ucbestari.edu.my

^bPusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,

E-mel: ilyana_adnan@ukm.edu.my

^cFakulti Ekonomi dan Pengurusan, University College Bestari,

E-mel: zahri@ucbestari.edu.my

^dPusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,

E-mel: izhar@ukm.edu.my

*Corresponding Author: ilyana_adnan@ukm.edu.my

Received: 07 October 2022

Accepted: 28 October 2022

Published: 15 January 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.499>

Abstrak	Abstract
<p>Aset pelaburan adalah antara aset baharu yang diwajibkan zakat. Aset pelaburan terdiri sama ada dalam bentuk aset fizikal seperti tanah dan bangunan ataupun dalam bentuk aset kewangan seperti saham dan dana amanah. Kedua-kedua aset ini diwajibkan zakat. Persoalannya ialah, zakat terhadap pelaburan dalam bentuk aset fizikal dikenakan ke atas pendapatan daripada aset tersebut, sedangkan zakat terhadap pelaburan dalam bentuk aset kewangan dikenakan ke atas aset dan pendapatan daripada aset tersebut. Apakah tepat kaedah perakaunan zakat terhadap kedua-dua aset pelaburan itu? Kertas ini akan cuba menjawab persoalan tersebut. Kajian ini merupakan kajian kes. Data diperolehi melalui kaedah analisis dokumen. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara deskriptif. Berdasarkan data sekunder dengan menggunakan analisis kandungan,</p>	<p>Among the new assets that call for zakat are investment assets. Investment assets can be either tangible (property, buildings, etc.) or financial (stocks, trust funds, etc.). These two assets both have zakat obligations. Is income from investments made in the form of tangible assets subject to the imposition of zakat? In contrast, zakat on financial investments is assessed on the assets and income generated by such assets. What specific zakat accounting procedure is used for the two investment assets? That question will be addressed in this essay. This research is a case study. Document analysis is used to gather data. A descriptive content analysis method will be used to examine the collected data. It will be claimed that zakat should only be levied on dividend income in light of the purpose of holding the Bumiputera Share Trust (ASB), based on secondary data obtained through content analysis.</p>

<p>akan dihujahkan bahawa dengan mengambil kira maksud pegangan terhadap Amanah Saham Bumiputera (ASB), maka zakat sepatutnya dikenakan ke atas pendapatan dividen sahaja.</p> <p>Kata kunci: perakaunan, zakat, perakaunan zakat, pelaburan, ASB</p>	<p>Keywords: accounting, zakat, zakat accounting, investment, ASB</p>
--	--

1. PENDAHULUAN

Perakaunan zakat pelaburan bermaksud menentu aset pelaburan yang diwajibkan zakat, menentukan kadarnya, dan membuat taksiran zakat terhadap aset pelaburan tersebut. Pelaburan pula bermaksud komitmen dana untuk membeli aset bagi mendapatkan keuntungan sama ada dalam bentuk pendapatan ataupun kenaikan nilai aset tersebut. Ia terdiri sama ada dalam bentuk aset fizikal ataupun dalam bentuk aset kewangan. Aset fizikal adalah aset ketara seperti tanah, bangunan, kenderaan, emas dan perak, manakala aset kewangan adalah aset tidak ketara seperti bon, saham dan dana amanah (Hamat, 2015).

Dana Unit Amanah Islam (DUAI) ialah dana amanah yang diurus mengikut Syariah yang dikawal selia oleh satu Majlis Penasihat Syariah (MPS). MPS akan menyelia dan memberikan nasihat yang perlu bagi memastikan DUA I yang ditawarkan itu diurus mematuhi keperluan Syariah.

Saham Amanah Bumiputera (ASB) merupakan sebahagian daripada DUA I. Pelaburan dalam DUA I diwajibkan zakat. Negeri Selangor misalnya pada 7 Julai 2011 telah mewartakan bahawa zakat terhadap saham amanah adalah berasaskan pelaburan sebagai *'urud tijarah*. Zakat wajib dikeluarkan pada 2.5%. Apabila dikategorikan DUA I sebagai *'urud tijarah* atau barangan perniagaan, maka zakat dikenakan ke atas nilai saham dan pendapatan daripada saham tersebut.

Persoalannya, adakah tepat zakat pelaburan dalam bentuk aset fizikal dikenakan ke atas pendapatan daripada aset tersebut sahaja? Misalnya, pendapatan sewaan rumah ataupun bangunan. Rumah atau bangunan itu dikecualikan daripada zakat. Sebaliknya, zakat terhadap pelaburan dalam bentuk kewangan dikenakan ke atas nilai aset kewangan dan pendapatan yang diterima daripada aset tersebut. Misalnya, pendapatan dividen dan nilai saham yang dilaburkan (Khan, 2005). Persoalan ini akan cuba dijawab dalam artikel ini.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan kajian kes. Kajian kes merupakan sebuah kajian empirikal untuk meneliti, memahami dan menghalusi sesuatu fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan sebenar dengan mengambil suatu entiti untuk dikaji (Woodside, 2010). Kajian kes membolehkan sesuatu entiti dalam kelompok kecil dikaji, diteliti dan difahami secara mendalam (Sabitha Merican, 2005). Kaedah pengumpulan data menggunakan kaedah analisis dokumen. Data-data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen yang berkaitan dianalisis melalui kaedah analisis kandungan secara deskriptif.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Dana Unit Amanah Islam

Dana Unit Amanah (DUA) ialah satu skim pelaburan kolektif yang mengumpulkan simpanan para pelabur yang mempunyai objektif yang sama dalam satu tabung khas yang diuruskan oleh pengurus dana profesional. Dana yang dikumpulkan itu, kemudiannya akan dilaburkan dalam pelbagai portfolio yang terdiri aset fizikal dan aset kewangan.

Pelaburan dalam dana unit amanah sebenarnya berbeza dengan pelaburan dalam saham di pasaran saham. Hal ini dapatlah dirumuskan dalam empat keadaan berikut (Ibrahim & Zainudin, 2017). Pertama, pelabur dalam dana unit amanah adalah bukan peniaga, bahkan mungkin mereka tiada langsung pengetahuan tentang perniagaan saham.

Kedua, dalam dana unit amanah, urusan jual beli saham diuruskan 100 peratus oleh pengurus dana atau melalui agen yang dilantik. Ketiga, kebiasaannya mereka yang melabur dalam dana unit amanah merupakan pelabur jangka panjang dan tidak ada niat untuk berniaga saham.

Keempat, keuntungan pelabur dalam dana unit amanah adalah bergantung kepada jumlah pokok dan tempoh yang dilaburkan. Ini berbeza dengan keuntungan jual beli saham di pasaran saham. Dalam jual beli saham di pasaran saham, mungkin dengan pokok yang tidak begitu besar boleh mendapat keuntungan berlipat ganda dalam masa yang singkat.

Mengikut Laporan Tahunan bagi tahun 2019 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, bilangan dana unit amanah patuh Syariah yang disenaraikan oleh Suruhanjaya Sekuriti meningkat sebanyak 5 peratus iaitu, daripada 224 pada

tahun 2018 meningkat kepada 236 pada tahun 2019. Nilai aset bersih pula meningkat sebanyak 29 peratus daripada RM83.46 bilion kepada 107.32 bilion (Laporan Tahunan SC, 2019).

ASB diuruskan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB). ASB ini mula diniagakan pada 2 Januari 1990. Ia ditawarkan pada harga tetap RM1 seunit. ASB yang merupakan tabung unit amanah jenis pendapatan dan berada dalam kategori aset campuran. Objektif ASB ialah menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang unit di samping memastikan pengekal modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

ASB dibuka untuk pelabur Bumiputera sahaja dengan pelaburan boleh dimulakan seawal usia kelahiran. Pelaburan permulaan minimum untuk membuka ASB ialah RM10, manakala pelaburan tambahan ialah serendah RM1. Had pelaburan untuk setiap pelabur ialah RM200,000 dan pelabur boleh menambah atau menjual pelaburan mereka pada bila-bila masa.

Jadual 1: Pegangan Unit ASB Pada 31 Disember 2020

Saiz Pegangan	Pegangan Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	7,791,883	76.46	4,600,158,656	2.65
5,001 hingga 10,000	482,417	4.73	3,307,097,893	1.90
10,001 hingga 50,000	952,780	9.35	22,279,697,788	12.82
50,001 hingga 500,000	936,002	9.19	121,444,076,128	69.87
500,000 dan ke atas	27,452	0.26	22,174,586,041	12.76
Jumlah	10,190,534	100.00	173,805,616,506	100.00

Sumber: Laporan Tahunan ASB 2020

Jadual 1 mempamerkan dalam pelaburan ASB, seramai 7,791,883 pelabur (76.46 peratus) melabur dengan saiz pegangan sebanyak 5,000 unit dan ke bawah. Bilangan unit yang dipegang sebanyak 4,600,158,656 (2.65 peratus). Sebahagian besar iaitu 121,444,076,128 unit (69.87 peratus) dipegang pada saiz antara 50,001 hingga 500,000 unit yang melibatkan seramai 936,002 pelabur (9.19 peratus).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008 telahpun memutuskan hukum melabur dalam ASB adalah harus. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam mesyuarat Jemaah Ulama' MAIK yang bersidang pada 27 Disember 2009 turut menfatwakan bahawa hukum pelaburan dalam skim ASB, ASN dan pelaburan-pelaburan lain seumpamanya adalah diharuskan.

Kesepakatan fatwa pelaburan ASN dan ASB di peringkat negeri dicapai apabila Selangor dan Pulau Pinang mengeluarkan fatwa harus melabur dalam ASB. Majlis fatwa Selangor menimbang semula fatwa mereka dan mencapai persetujuan untuk mengharuskan pelaburan itu pada 27 April 2017. Majlis fatwa Pulau Pinang turut mencapai persetujuan sama dalam mesyuarat pada 15 Ogos 2017.

Keputusan ini dibuat berdasarkan dua asas berikut. Pertama, *mubah* ataupun harus melabur dalam skim ASB, ASN dan seumpamanya kerana kedudukan ekonomi orang melayu Islam di Negara ini yang disifatkan berada ditahap darurat. Darurat yang dimaksudkan di sini ialah dilihat dari aspek ekonomi ummat secara keseluruhan bukan dari sudut individu.

Kedua, pelaburan skim-skim ini dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Hukum berurusan dengan orang yang mempunyai aset yang halal lebih banyak daripada yang haram adalah harus. Rasulullah SAW dan para sahabat berurusan dengan orang Musyrikin yang mereka maklum tidak meninggalkan perkara yang haram sama sekali. Sementara itu, bermuamalat dengan orang yang memiliki aset haram lebih banyak dari yang halal adalah makruh selama tidak diketahui atau tidak ditentukan ain yang haram tersebut.

Majlis Penasihat Syariah (MPS), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengemaskini senarai sekuriti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia pada 29 November 2019. Antara tanda aras yang dipakai ialah aktiviti perniagaan. Misalnya, pertama, tanda aras lima peratus digunakan bagi perniagaan/aktiviti terbabit dengan perbankan dan peminjaman konvensional, insurans konvensional, perjudian dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya. Kedua, tanda aras 20 peratus digunakan bagi perniagaan/aktiviti terbabit jual beli saham, pembrokeran saham, sewaan dan aktiviti-aktiviti berkaitannya yang tidak patuh Syariah.

3.2 Perakaunan Zakat Terhadap Dana Unit Amanah Islam

Menurut Siddiqui (1981), perkembangan hukum zakat baik pada zaman Rasulullah s.a.w, sahabat mahu pun pada zaman tabi'in adalah berasaskan ijtihad. Hal yang sama sepatutnya berlaku dalam perkembangan hukum dan pengurusan zakat di Malaysia. Ia diakui sendiri oleh Abdul Wahid (2002), Mufti Kerajaan Negeri Selangor. Malah menurut beliau, para ilmuan Islam perlulah terbuka menerima pembaharuan dan pengalihan hukum yang ditinggalkan oleh ulama'-ulama' silam khususnya di dalam perkara yang berkaitan dengan zakat.

Berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh Khulafa' al-Rasyidin pula, paling tidak empat reformasi dalam pengurusan zakat boleh dilaksanakan (Hamat, 2002). Pertama, pemerintah boleh menggunakan kuasa bagi menentukan zakat ditunaikan oleh semua pihak yang telah cukup syarat sekalipun terpaksa mengisytiharkan perang ke atas mereka. Kedua, pemerintah boleh mengkaji semula pelaksanaan hukum-hukum yang telah ditetapkan sebelumnya dan mengubahnya bersesuaian dengan keadaan dan suasana semasa. Ketiga, pemerintah boleh membuat perubahan ke atas perakaunan zakat yang diamalkan. Penalti boleh dikenakan sekiranya pembayar zakat sengaja menipu taksiran zakat. Keempat, pemerintah boleh memperluaskan asas zakat dengan mengenakan zakat ke atas sesuatu harta yang baru ditemui atau baru wujud di kalangan masyarakat.

Menurut Hamat (2002) lagi, aset yang difardhukan zakat mempunyai kaedah perakaunan zakatnya tersendiri. Antara kaedah perakaunan tersebut ialah pertama, mengikut jenis harta, iaitu sama ada sesuatu harta itu merupakan harta tetap atau harta semasa. Berdasarkan kedua-dua kategori harta tersebut, maka Muhammad Kamal 'Atiyah (1995: 3) merumuskannya seperti berikut:

- (i) Zakat ke atas harta tetap dikenakan ke atas pendapatan yang diperolehi dari harta tetap tersebut pada kadar 5% ataupun 10%. Harta tetap ialah harta yang digunakan manfaat darinya secara berterusan seperti kenderaan, kilang dan bangunan.
- (ii) Harta semasa pula dikenakan zakat ke atas harta dan pendapatan dari harta tersebut pada kadar 2.5%. Harta semasa pula terdiri dari wang tunai, barangan perniagaan dan harta lain yang mudah ditukar kepada tunai.

Sementara berdasarkan Sunnah Rasulullah pula, kaedah perakaunan zakat boleh dibahagikan kepada tiga kategori (Hamat, 2002). Ia boleh dirumuskan seperti berikut:

- (i) Zakat hanya dikenakan ke atas harta itu sahaja. Kaedah ini meliputi zakat emas, perak dan barangan perniagaan. Kadar zakat yang dikenakan ialah 2.5%.
- (ii) Zakat dikenakan ke atas harta dan pendapatan yang diperolehi dari harta tersebut. Kaedah ini hanya untuk zakat binatang ternakan. Kadar zakatnya seperti yang ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w.
- (iii) Zakat dikenakan hanya ke atas pendapatan yang diperolehi dari harta tersebut. Kaedah ini meliputi zakat pendapatan pertanian

pada kadar 5% atau 10%, dan pendapatan yang diperolehi dari perut bumi pada kadar 20%.

Perakaunan zakat melibatkan beberapa proses bermula dengan penentuan aset yang diwajibkan zakat sehinggalah kepada penyediaan laporan. Dengan itu, perakaunan zakat melibatkan proses menentukan aset wajib zakat, menentukan kadar zakatnya, membuat taksiran zakat yang perlu dibayar, dan seterusnya menyediakan laporan (Hamat, 2014).

Perakaunan zakat saham adalah proses menentukan saham yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya dan kemudian membuat taksiran zakat yang wajib dibayar oleh pemiliknya (Hamat, Endut & Hanapi, 2017). Oleh itu, perakaunan zakat pelaburan ASB adalah proses menentukan asas aset yang diwajibkan zakat, menentukan kadar zakatnya dan kemudian membuat taksiran zakat yang wajib dibayar oleh pemiliknya.

Walaupun kebanyakan cendekiawan zakat bersetuju zakat saham diwajibkan, namun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan mereka ketika membuat penilaian ke atas saham. Implikasinya wujudlah kepelbagaian kaedah perakaunan zakat saham (Islahi & Obaidullah, 2004). Isu utama adalah berkaitan dengan niat. Ulama fiqh kontemporari mempunyai dua pendekatan berhubung menentukan niat pemegang saham. Niat boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk, iaitu niat untuk melabur, dan niat untuk berniaga (spekulasi) dalam pasaran kewangan (Mohammed, 2022). Niat pelabur tersebut boleh memberi kesan terhadap perakaunan zakat saham.

Syahatah dan Fayyadh (2004) misalnya berpendapat, kaedah pengiraan atau taksiran zakat dalam pelaburan saham sepatutnya dibuat mengikut tujuan dan tempoh pemilikan saham. Jika tujuannya adalah untuk diniagakan dan tempoh pemilikan saham adalah jangka pendek, maka kaedah pengiraan zakat saham diqiyyaskan kepada zakat barangan perniagaan. Sebaliknya, jika tujuannya adalah untuk memperoleh dividen tahunan dan pemilikan saham adalah untuk tempoh jangka panjang, maka kaedah pengiraan zakat saham seperti zakat aset atau harta *mustaghallat*.

Sebahagian ulama kontemporari seperti Muhammad Abu Zuhrah, Abdul Wahab Khallaf, Abdul Rahman Hassan, Yusuf al-Qaradawi dan Mustafa al-Zarqa berpendapat, zakat aset *mustaghallat* ditaksir seperti zakat pertanian iaitu, dikenakan pada kadar 5 peratus ataupun 10 peratus daripada hasil diperolehi (Ibrahim & Zainudin, 2017).

Di Malaysia, beberapa negeri memfatwakan Dana Unit Amanah (DUA) diwajibkan zakat. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor misalnya memutuskan, zakat yang dilaburkan di pasaran modal diqiyaskan kepada barangan perniagaan tanpa mengira tujuan atau maksud pelaburan dibuat sama ada untuk diniagakan atau disimpan. Saham dalam bentuk simpanan dikenakan zakat sebanyak 2.5 peratus daripada nilai saham pada harga pasaran pada akhir haul. Saham yang diurusniaga, zakat dikenakan sebanyak 2.5 peratus daripada nilai saham pada harga pasaran pada akhir haul dan dicampur dengan keuntungan yang diterima sepanjang haul setelah ditolak dengan kos brokeraj (Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, 2011).

Beberapa cendekiawan zakat di Malaysia berpendapat, niat membeli saham akan menentukan kaedah perakaunan zakat saham (Hamat, 2015; Hamat, Endut & Hanapi, 2017). Misalnya, niat pembelian saham akan menentukan kaedah perakaunan zakatnya. Cendekiawan zakat di Malaysia antara lain membuat rumusan seperti berikut:

“...kaedah perakaunan zakat harus dibezakan berdasarkan tujuan atau niat pembelian sesuatu saham”

Hal ini mempamerkan niat pegangan sesuatu saham mempengaruhi kaedah perakaunan zakat saham. Dengan itu, anggapan semua saham dipegang untuk tujuan perniagaan adalah tidak munasabah. Sebaliknya, anggapan semua saham dipegang untuk tujuan pelaburan atau simpanan juga tidak tepat. Hal ini kerana bukan semua saham dipegang dengan niat bagi mendapat keuntungan tahunan semata-mata. Begitu juga bukan semua saham dipegang dengan niat untuk perniagaan sahaja (Hamat, 2015). Apatah lagi pelaburan dalam ASB.

Pendapat ini selari dengan cadangan oleh Syahatah dan Fayyadh (2004) iaitu, kaedah perakaunan zakat dalam pelaburan saham sepatutnya berasaskan tujuan pemilikan saham. Jika tujuannya adalah untuk tempoh jangka panjang dan bertujuan memperoleh dividen tahunan, maka kaedah pengiraan zakat saham seperti zakat aset atau harta *mustaghallat*. Hal yang sama berlaku terhadap pegangan ASB, oleh itu ASB dikategorikan sebagai aset *mustaghallat* (Hamat, 2011).

Kadar zakatnya pula ialah seperti pendapat ulama kontemporari seperti Muhammad Abu Zuhrah, Abdul Wahab Khallaf, Abdul Rahman Hassan, Yusuf al-Qaradawi dan Mustafa al-Zarqa. Mereka berpendapat, zakat aset atau harta *mustaghallat* ditaksir seperti zakat pertanian iaitu, dikenakan pada kadar 5 peratus ataupun 10 peratus daripada hasil diperoleh.

Hal ini juga selari dengan kerangka perakaunan zakat harta yang dibentuk 'Atiyah (1995) di mana aset dibahagikan kepada dua kategori iaitu, pertama ialah aset tetap; dan kedua ialah aset berubah. Aset tetap ialah aset yang digunakan untuk mendapat manfaat daripadanya secara berterusan. Zakat ke atas aset tetap ini dikenakan terhadap pendapatan daripada aset tersebut pada kadar 5 peratus, 10 peratus dan 20 peratus. Aset berubah pula ialah aset yang mudah dipindah atau diubah-ubah seperti barangan perniagaan atau aset lain yang mudah ditukar kepada tunai. Zakat ke atas aset berubah ini dikenakan terhadap aset dan pendapatan daripada aset tersebut pada kadar 2.5 peratus.

Dengan itu, berasaskan kerangka 'Atiyah (1995), maka kaedah perakaunan zakat ASB akan dipengaruhi oleh niat tujuan pegangan ASB itu sendiri. ASB sebenarnya tidak diurusniagakan, maka ASB dikategorikan sebagai aset tetap. Kaedah perakaunan zakatnya adalah berdasarkan keuntungan atau dividen tahunan sahaja.

4. KESIMPULAN

Kaedah perakaunan zakat pelaburan ini dibentuk melalui kaedah aplikasi *qiyas*. Oleh itu, perakaunan zakat ASB mestilah diqiyaskan kepada sumber aset yang *dinaskan* secara *qat'i*. Justeru dapatlah disimpulkan bahawa kaedah perakaunan zakat bagi ASB dibuat berdasarkan keuntungan atau dividen tahunan sahaja. Hal ini kerana zakat dibayar berdasarkan niat pemegang saham ketika melabur. Jika tujuannya adalah untuk memperoleh pendapatan, zakat dibayar berdasarkan zakat eksploitasi, iaitu 2.5% dari keuntungan. Jika niat urusniaga (jual beli), maka zakat yang dibayar berdasarkan zakat perniagaan, iaitu 2.5% ke atas modal dan keuntungan (Qudratullah, 2020).

Oleh kerana pada waktu ini ASB dikategorikan sebagai *'urud al-tijarah*, maka pihak agensi penyelaras di peringkat persekutuan perlu menilai semula kaedah perakaunan zakat terhadap ASB dengan mengambil kira maksud pegangan terhadap ASB itu sendiri dalam membentuk kaedah perakaunan zakatnya.

5. RUJUKAN

- Abdul Wahid, M. T. (2002). Matlamat Seminar Fiqh Zakat Kontemporari, kertas dasar dibentangkan di *Seminar Fiqh Zakat* pada 31 Oktober 2002.
- 'Atiyah, M. K. (1995). *Perakaunan Zakat Teori Dan Praktis* (Mohd Nor Ngah, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamat, Z. (2002). Perakaunan Zakat Pendapatan: Satu Kajian Semula. Kertas yang dibentangkan di *Muzakarah Pakar Zakat* anjuran Kumpulan Kajian Zakat, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 21 - 22 Disember 2002.
- Hamat, Z. (2011). Perubahan Dalam Perakaunan Zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Vol. 5, No. 11, hal. 19 - 34.
- Hamat, Z. (2014). Sustainable Zakat Accounting in Malaysia: An Analysis. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(19), 139-146.
- Hamat, Z. (2015). Perakaunan Zakat Pelaburan dalam Aset Kewangan di Malaysia: Kes Saham Patuh Syariah. Dlm. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taquiuddin Mohamad (eds.). *Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Department of Shariah and Economy.
- Hamat, Z., Endut, W. A., & Hanapi, M. S. (2017). Shares Zakah Accounting in Malaysia: Fatawa, Manual and Practices. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(2), 2222-6990.
- Ibrahim, A. B., & Zainudin, M. H, (2017). Pengiraan Zakat ke Atas Unit Amanah: Satu Penilaian Semula. Dlm. Zahari Mahad Musa, Azman Ab. Rahman dan Adibah Abdul Wahab (eds), *Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*, Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Islahi, A. A., & Obaidullah, M. (2004). Zakah on stocks: some unsettled issues. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 17(2), 3-17.
- Khan, M. A. (2005). Comments on Abdul Azim Islahi & M. Obaidullah: Zakah on Stocks: Some Unsettled Issues, Comment by Muhammad Akram Khan. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 18(1), 41-42.

- Mohammed, A. M. N. (2011). *Fiqh of Estimation in Calculating Zakâh: An Applied Fundamental Study of the Methodology of Investigation and Approximation in Zakâh for Joint-Stock*. Riyadh: Dar Sulaiman AlMaiman.
- Qudratullah, M. F. (2020). Zakah Rate in Islamic Stock Performance Models: Evidence from Indonesia. *IQTISHADIA*, 13(1), 107-125.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains social*. Malaysia: Prentice Hall/Pearson.
- Siddiqui, M. A. S. (1981). *A study of the evolution of ijtihaad (legal reasoning) in the development of the zakat law during the 1st century AH* (Doctoral thesis, University of Edinburgh).
- Syahatah, H., & Fayyadh, A. (2004). Bursa Efek: Tuntutan Islam dalam transaksi di pasar modal. (*AdhDhawabit Al-Syar'iyah li At-Ta'amul fii Suuq ALAzwraq Al-Maliyah*) (Terj. A. Syakur). Surabaya: Pustaka Progressif.
- Woodside, A. G. (2010). *Case study research: Theory, methods, practice*. Bradford, UK: Emerald Group Publishing.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.